



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 30 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	CADANGAN TANAM PADI AIR MASIN REALISTIK - PAKAR, NASIONAL, SH -3 GOVERNMENT LOOKING INTO SALTWATER RICE CULTIVATION, SAYS MINISTER, NATION, THE STAR -3 'BAGI KAMI 5 TAHUN RENCANAKAN KEMBALI JENTERA PERTANIAN NEGARA', ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	MUSIM DURIAN LEBIH PANJANG, MUKA DEPAN, SH -1 DIJANGKA BERBUAH SEHINGGA OKTOBER, NASIONAL, SH -2 HASIL DURIAN BOLEH MENINGKAT SEHINGGA 50 PERATUS, NASIONAL, SH -2 DURIAN THAILAND BERDEPAN SAINGAN DUA NEGARA, NASIONAL, SH -2 TECH BOOST FOR AGRICULTURE, LETTER, NST -15 DURIAN OPERATORS IN THAILAND BUYS DURIAN IN MALAYSIA TO SELL AS THAI DURIAN, NEWS, GUANG MING DAILY -A1 & A7 EXPORT OF MALAYSIA MUSANG KING AS 'THAI MUSANG KING' MIGHT HURT LOCAL MUSANG KING, NATION, SIN CHEW DAILY -7	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11.	PENIAGA MENGELUH IKAN PATIN KURANG DI PASARAN, DALAM NEGERI, UM -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	SHOWERS OF BLESSING UP NORTH, NATION, THE STAR -3	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13.	LIMA TAKTIK SELEWENG SUBSIDI DIESEL NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
14. 15.	CUACA PANAS 'REZEKI' PENGUSAHA IKAN BILIS, DALAM NEGERI, UM -33 JEMUR IKAN BILIS LEBIH CEPAT, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Cadangan tanam padi air masin realistik - Pakar

Sesuai dilaksanakan, terutama di tanah sawah di pesisiran pantai yang mengandungi air laut

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI SHAH ALAM

Cadangan kerajaan untuk meneroka penanaman padi air masin di negara ini disifatkan sebagai realistik dan sesuai untuk dilaksanakan.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM),



Cadangan kerajaan untuk meneroka penanaman padi air masin di Malaysia disifatkan sebagai realistik dan sesuai untuk dilaksanakan.

Profesor Dr Mohd Rafii Yusop berkata, idea penanaman padi di tanah bermasalah seperti tanah mempunyai kemasinan tinggi terutama di tanah sawah di pesisiran pantai yang tercemar dengan air laut adalah sangat baik.

"Penanaman padi ditanah saliniti (kemasinan) tinggi perlu menggunakan varieti padi yang toleran tahap kemasinan yang tinggi.

"China telah pun berjaya menghasilkan varieti padi yang sesuai ditanam dalam keadaan kemasinan tinggi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu pada Ahad dilaporkan berkata, kerajaan bercadang meneroka penanaman padi air masin dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran

beras di negara ini. Menurut Mohamad, pihaknya telah membuat perbincangan awal bersama pakar berkaitan di China bagi mendapatkan pandangan dan penggunaan teknologi yang berseesuaian.

Mengulas lanjut, Mohd Rafii menjelaskan, negara lain yang telah berjaya menanam padi di kawasan tanah dengan tahap kemasinan tinggi ialah India, Bangladesh dan Filipina.

Malah, beliau berkata, UPM juga sedang melakukan penyelidikan ke atas varieti yang toleran kemasinan tinggi dan proses penyediaan tersebut masih pada tahap pengujian di rumah kaca.



MOHD RAFII

"Oleh itu, sementara varieti padi yang toleran kemasinan berjaya dihasilkan di dalam negara, pihak kerajaan boleh membawa masuk varieti yang toleran tahap kemasinan tinggi ini dari China.

"Bawa varieti ini terlebih dahulu untuk diuji kesesuaian dengan persekitaran Malaysia, tahap rintangan penyakit dan perosak padi serta prestasi pengeluaran hasilnya di negara kita," ujar beliau.

Ditanya mengenai kualiti beras pula, kata Mohd Rafii, kualiti beras yang dihasilkan biasanya adalah tidak banyak berbeza dengan beras dihasilkan di kawasan sawah air tawar.

Teroka tanaman padi dalam air masin - Mohamad

JITRA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berhasrat untuk meneroka penanaman padi dalam air masin dan 'sawah' terokut. Bekerja dimulakan bagi tujuan penanaman di kawasan tepi laut di negara ini.

Melihatnya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perkara berkenaan masih lagi di peringkat perancangan awal dengan pakar berkaitan dari China.

Menurutnya, kajian penanaman padi dalam air masin telah dilakukan sejak empat tahun lalu di negara tersebut dan pihaknya akan mendapatkan pendedahan dari pakar berkenaan dan membawa kaedah tempoh untuk diaplikasikan di Malaysia.

"Saya dah berjumpa dengan para profesor di China satu tanam padi dalam air masin, ke di peringkat awal. Sekarang ni sedang di peringkat perancangan supaya kawasan di tepi laut yang air masin itu tidak dibuang begitu saja. Tapi boleh digunakan akan datang dengan teknologi dan pendedahan yang akan kita minta."

"Pendedahan pakar daripada luar (negara) bagaimana mereka berjaya bukan mereka berjaya dalam sehari tetapi mereka buat kajian empat tahun," katanya pada sidang akhbar pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas sesi libat unus bersama Usahawan Harumanti Kodiang di Pusat Pengumpulan Latihan, Kempong Peta di Kodiang dekat sini.

Jelasnya, kajian yang dijalankan oleh pakar di China selama beberapa tahun itu berjaya menghasilkan beras padi yang sesuai bagi tanam padi air masin.

Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.

30/5/2023

THE STAR

NATION

8

Showers of blessing up north

Regular rainfall arrives in time for replanting season

By R. SEKARAN
rsekaran@thestar.com.my

ALOR SETAR: The almost daily showers in many parts of the northern region could not have come at a better time, especially for padi farmers, says Datuk Mahfiz Omar.

The Farmers' Organisation Authority (Kedah) chairman described the recent regular rainfall as a blessing because it came just in time for the replanting season.

"It was worrying over the past two months but we are now seeing more rain. I hope the dams will be replenished," he told reporters here yesterday.

He said the crops in this area had not suffered much damage during the ongoing dry season as the farmers were well prepared for an extended period of drought. On cloud seeding, Mahfiz said there were no updates on the matter.

Last year, Kedah announced efforts to help padi farmers plant five times every two years by increasing aid for fertiliser, seeds and pesticides aimed at boosting national food security.

The usual planting schedule in Kedah is twice a year.

Kedah accounts for 43% of Malaysia's rice production, while the country imports more than 30% of its rice needs annually.

Meanwhile, Penang Water Supply Corporation (PBAPP) chief executive officer K. Ramasubramanian said the state would decide whether a second cloud seeding operation was needed.

"PBAPP will continuously monitor the situation because we need more rain for the dams in Ayer Itam and Teluk Bahang.

"PBAPP proposed a second wave of cloud seeding operations early this month because both dams are still below 50% capacity," he said.

As of yesterday, the Ayer Itam dam, which is the smallest in Penang, was at 46.1% capacity, while it was at 46.6% in Teluk Bahang.

The water level at the Air Itam dam was at 39.8% on May 15 before the recent daily showers.



By R. SEKARAN



Blessings in abundance (Top) Egrets searching for food in the water-filled padi in Bukit Mertajam. (Left) A file photo of padi farmer Lau Chin Sun, 70, clearing dry padi from his fields in Permatang Pauh before the recent rains. — ZHAFARAN NASIB/The Star

Government looking into saltwater rice cultivation, says minister

PUTRA: The Agriculture and Food Security Ministry will explore saltwater rice cultivation methods in an effort to increase the country's rice production.

The minister Datuk Seri Mohamad Sabu said his office had held discussions with relevant experts, including professors from the University of Malaya, regarding the technology for growing saltwater rice here.

"We are still in the early stages of discussions," he said.

Mohamad said it took China four years to conduct a study on the method before it could be implemented.

"There is no reason why Malaysia should not have enough rice in the future," he told a press conference after an engagement session with Harumans Kodiang Entrepreneurs at the Harumans Farm Collection Centre, Kampung Pida 3, Kodiang near here yesterday, Bernama reported.

He said irrigation and care were among the factors why there was a low yield of rice production in Kedah compared with Sekinchan, Selangor, thus requiring effective action to increase the yield in the rice bowl state.

"You cannot do rice cultivation parties in Sekinchan, like parties do in as a government job in Kedah, we want to go in that direction. (However) we cannot blame the farmers either because the irrigation system is also important.

"We cannot survive on five tonnes per hectare. In Sekinchan, we get between eight and 10 tonnes per hectare. If we can get six tonnes or more, we will have enough rice in Malaysia. Now, farmers have taken this seriously," he added.

Mohamad said the method of planting rice through a large-scale scheme such as in Sekinchan could be practised by rice farmers in Kedah with the help and cooperation of the Mada Agricultural Development Authority and Padiberas Nasional Bhd.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

'Bagi kami 5 tahun rencanakan kembali jentera pertanian negara'



Salahuddin dalam Program Town Hall Rakyat yang berlangsung di Kompleks Media Karangkraf, pada Isnin. - Foto Sinar Harian

SHAH ALAM: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub meminta rakyat agar memberi kerajaan tempoh lima tahun untuk memperkasakan kembali jentera pertanian negara seterusnya menjadi antara negara pengeluar dan

pengeksporth makanan.

Menurutnya, langkah itu secara langsung bertujuan memastikan Malaysia muncul kembali sebagai negara perindustrian sektor pertanian yang menjadi semakin penting dari segi keterjaminan makanan.

“Dengan kestabilan politik pada hari ini, bagi kami (tempoh) lima tahun, saya rasa kita akan dapat merencanakan kembali jentera pertanian kita ini untuk Malaysia, insya-ALLAH menjadi antara negara pengeluar dan pengeksporth makanan, paling tidak pun dalam rantau Asia Selatan.

“Untuk kita muncul kembali sebagai negara perindustrian yang tidak meninggalkan sektor pertanian yang menjadi semakin penting dari segi keterjaminan makanan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika Program Town Hall Rakyat yang berlangsung di Kompleks Media Karangkraf, pada Isnin.

Salahuddin menjadi tetamu keempat dalam program yang dihoskan Azhar Sulaiman.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, setiap visi yang dilontarkan oleh Perdana Menteri itu perlu disambut dengan cepat.

Menurutnya, kolaborasi dengan pelbagai kementerian perlu dilakukan dan mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan isu-isu rakyat terutamanya melibatkan keterjaminan makanan.

“Sebab itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

“Kita harus melihat Malaysia bergerak sebagai sebuah negara yang akhirnya esok mampu mewujudkan ‘self-sufficient level’ (tahap sara diri),” ujarnya. - [Sinar Harian](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

Hikmah cuaca panas melanda negara ketika ini

MUSIM DURIAN LEBIH PANJANG

- Tempoh durian berbunga pada musim ini yang bermula peringkat pertama pada Januari lalu dijangka berterusan sehingga Oktober ini, iaitu melebihi enam bulan berbanding kebiasaan hanya tiga bulan.
- Ini berikutan keadaan cuaca panas yang menyebabkan 'raja buah' itu mengalami empat peringkat pengeluaran hasil berbanding hanya dua peringkat pada tahun-tahun sebelum.
- Pengusaha durian turut menjangkakan hasilnya akan lebih banyak ketika fasa akhir pada September hingga akhir Oktober ini, sekali gus merupakan berita baik kepada penggemar buah tersebut kerana harganya mungkin lebih murah.
- Peningkatan hasil juga boleh mencecah sehingga 50 peratus jika pengusaha mengamalkan amalan pertanian baik dan memanfaatkan penggunaan teknologi.

Ikuti laporan, ROSILAWATI ROSEDI dan SHAHRIZAL AHMAD ZAINI di muka 2

Kelly Lim menunjukkan durian yang dijual di serainya di Johor Bahru pada Isnin.



Dijangka berbuah sehingga Oktober

Musim durian pada kali ini lebih panjang berbanding tahun-tahun sebelum ini akibat cuaca panas

JERANTUT

Penggemar durian di negara ini boleh menikmati 'raja buah' berkenaan untuk tempoh lebih lama lagi kerana musimnya dilangka lebih panjang berbanding tahun-tahun sebelum.

Ini berikutan keadaan cuaca panas yang melanda menyebabkan pokok durian mudan berbunga, selain hasil yang dikeluarkan lebih banyak bagi setiap pokok.

Seorang pengusaha durian di Kampung Baru di sini, Mohd Lokman Mohd Isa, 64, berkata, musim durian yang bermula sejak awal tahun ini dijangka berterusan sehingga pertengahan Oktober Depan.

Dia yang mengusahakan ladang durian premium Musang King dan Black Thorn seluas kira-kira empat hektar, bagaimanapun, berkata, selain cuaca, pengurusan ladang yang baik turut mempengaruhi faktor musim dan kualiti buah.

"Di ladang saya sendiri, terdapat empat peringkat yang mana sudah mula mengeluarkan hasil bermula April lalu.

"Fasa pertama ialah pada Januari, diikuti fasa kedua dari April hingga Mei. Fasa ketiga pula Jun dan yang terakhir pada September hingga pertengahan Oktober ini.

"Malah, dijangka hasil buah akan lebih banyak pada fasa terakhir itu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Malaysia dijangka mengalami cuaca panas berpanjangan sehingga Ogos susulan musim peralihan monsun dan dijangka kembali hujan selepas Ogos.

Cuaca panas itu membolehkan semua negeri, namun paling terkesan ialah di utara dan Pantai Timur.



Sementara itu, di JOHOR BAHRU musim durian yang panjang dibarengkan seperti 'durian runtuh' bagi pekebun-pekebun durian.

Salah seorang mereka, Kelly Lim, 40, berkata, dia menjangkakan musim durian kali ini berterusan sehingga Ogos ini.

Kelly yang mempunyai kebun durian di Muar bersama seorang rakan kongsinya berkata, keadaan itu pasti memberikan berita gembira kepada penggemar 'raja buah' itu.

Malah, katanya, pengeluaran yang bertambah membolehkan peniaga menjual dengan harga lebih murah termasuk durian mahal seperti Musang King.

"Sebelum ini musim durian tidak lama. Tapi sekarang, saya jangkakan sampai bulan Ogos. Harga mungkin boleh diturunkan kerana buah di kebun akan semakin bertambah," jelasnya.

Tambahan wanita itu, jika ketika ini mereka menjual secara timbang kilo, mungkin selepas ini menjualnya ikut bilangan, misalnya RM10 sebiji.



Mohd Lokman bersama hasil di ladangnya di Jerantut.

Hasil durian boleh meningkat sehingga 50 peratus



NICKY

"Pokok durian ini pulak, kalau cukup panas ia mudah untuk berbunga. Bagi pokok yang cukup umur sehingga 15 tahun, ia boleh mengeluarkan hasil antara 100 ke 200 biji," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sementara itu, Nicky menjelaskan, di Raub terdapat kira-kira 30,000 pekebun durian dan lebih 90 peratus ahli persatuannya mengusahakan tanaman durian.

Menurutnya, pokok durian hidup subur di negara ini kerana cuaca di Malaysia yang panas dan lembap sepanjang tahun serta faktor tanah yang bersesuaian.

SHAH ALAM - Keadaan cuaca panas dan penajangan pokok yang sempurna boleh mendorong proses penubuhan, sekali gus meningkatkan jumlah pengeluaran durian.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Tanaman Industri Daerah Raub, Nicky Koh Kuan Heng berkata, hasil pengeluaran boleh meningkat sehingga 50 peratus jika pengusaha mengamalkan amalan pertanian teknologi.

"Sekarang ini pengeluaran durian dua kali setahun, bermaksud musim panjang itu berterusan mengikut fasa sejak awal tahun lagi.

"Peranian juga sudah maju. Jika baja dan cuaca cukup panas dua ke tiga bulan, bunga sudah keluar.

Durian Thailand berdepan saingan dua negara

BANGKOK - Penanam durian Thailand digesa meningkatkan kualiti tinggi 'raja buah' itu kerana mereka kini berdepan ancaman semakin meningkat daripada pesaing pengeksport di Vietnam dan Filipina untuk pasaran di China.

Gesasan itu dibuat Ketua Pengarah Jabatan Promosi Perdagangan Antarabangsa, Phusit Ratanakul Sereroengrit.

Phusit berkata, laporan daripada Thailand melambung kepada 52 yuan hingga 58 yuan (RM34 hingga RM37) sekilogram, pada pertengahan Mei susulan penghujung musim di wilayah timur negara itu.

"Pengeksport Thailand harus meningkatkan kualiti durian mereka sebagai pembebel, sekali gus menajaga imej baik mereka serta meningkatkan daya saing," kata Phusit.

Mon Thong merekodkan harga jatuh dan 36 yuan hingga 41 yuan (RM23 hingga RM30) sekilogram.

Durian Mon Thong dan Vietnam pula berharga lingkungan 32 yuan hingga 41 yuan (RM21 hingga RM27) sekilogram, manakala durian Puyat dari Filipina sekitar 37 yuan hingga 45 yuan (RM24 hingga RM29).

Laporan menambah, harga durian Thailand melambung kepada 52 yuan hingga 58 yuan (RM34 hingga RM37) sekilogram, pada pertengahan Mei susulan penghujung musim di wilayah timur negara itu.

"Pengeksport Thailand harus meningkatkan kualiti durian mereka sebagai pembebel, sekali gus menajaga imej baik mereka serta meningkatkan daya saing," kata Phusit.

SMART FARMING

TECH BOOST FOR AGRICULTURE

A RECENT article warned that the global sugar price is expected to soar due to a decline in production in India and export restrictions imposed by the Indian government.

Our country's sugar supply will be affected.

It is imperative that we address this supply issue as sugar is linked to food security and a much-needed component in food manufacturing.

Furthermore, it is unrealistic to expect prices to remain the same as a decade ago. There has been a steady increase in world sugar prices, driven by the global demand for sugar.

Separately, Malaysia did not face any rice supply disruptions during the Covid-19 lockdowns because we have a national rice stockpile.

We only grow about 70 per cent of the rice we need and there is always concern that there will not be enough labour to keep this up, especially as the younger generation appears not keen to work in agriculture.

The government must strike the right balance between agriculture and industry as twin engines of Malaysia's economic development.

Both are crucial. During the 1980s and 1990s, the trend was to abandon farming for manufacturing.

But we should not see the two as in competition with each other. Indeed, there are many synergies between the two.

The advent of technology like the Internet of Things and Industrial Revolution 4.0 could transform our country's agricultural sector by bringing smart and sustainable farming to smallholders or independent farmers. This would allow them to manage agriculture and livestock with more



Malaysia needs political will and smart policies to realise its agricultural potential. FILE PIC

control and stability, while ensuring farm resilience.

Technology can also reduce the labour intensity of agriculture, which can address our need to bring in foreign labour and the angst over trying to persuade the younger generation to work in plantations.

In addition, reviving up agriculture will contribute to Malaysia's quest for biotfuel.

Achieving that would make the energy we consume, including for manufacturing, "greener" and less harmful to the environment in the long run.

A smarter approach to agriculture will help Malaysia punch above its

weight in the food and beverage industry, such as in sugar manufacturing, animal husbandry, halal meat products, fruit and vegetables processing, oil and fat manufacturing and seafood processing.

State governments will also be able to generate income and jobs via the development of unused land for agriculture development.

Therefore, Malaysia must continue to develop its agricultural sector. An immediate priority should be food crops to reduce our reliance on imports.


We must also be willing to break with past practices.

Existing policies, including price ceilings for certain foodstuff, need to

MUHAMMAD SAIFUL MUHAMMAD SAHAR

Nibong Tebal, Penang

Headline	Durian operators in Thailand buys durian in Malaysia to sell as Thai durian		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	30 May 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A1,A7	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	577 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,742
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,227



Headline	Durian operators in Thailand buys durian in Malaysia to sell as Thai durian		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	30 May 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A1,A7	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	577 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,742
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,227



■数十箩被采下来的猫山王榴梿准备运往泰国。

泰收購榴梿換產地名 果農總會：損害大馬出口

(吉隆坡29日讯) 近期泰国榴梿收购商到大马各榴梿产区“采割”猫山王，复以“泰国猫山王”名义鲜果出口中国；马来西亚果农总会对此十分关注。总会长拿督陈绍厚吁请政府和农业及粮食安全部，尽快与中方政府展开协商，以取得榴梿鲜果出口许可。

他强调，上述做法严重影响马来西亚高质量榴梿在中国市场的出口，并对我国果农构成不公平的竞争。这也可能损害多年来大马在中国建立的猫山王品牌声誉。

建议政府鲜果方式出口

他说，总会也思考，为何马来西亚没像泰国、越南和菲律宾一样，直接以鲜果方式出口中国市场，以此获外汇。

“根据中国南宁海关数据显示，最近泰国、越南和菲律宾进口到中国的榴梿总量已超过6万吨，这三个国家正在争夺中国榴梿市场份额，这将导致榴梿供应量大幅增加，价格相应下降。同时，国内的榴梿种植面积也在不断增加。”

陈绍厚提到，我们须与时俱进，找到独特的出路。除了液氮（Nitrogen）速冻榴梿果肉和整粒液氮速冻带壳榴梿出口外，也希望效仿泰国的做法，以七八成熟的猫山王榴梿等为例，采摘果方式出口至中国市场。

他表示，此种采摘方式有助于农民“制衡”本地收购商，不仅不用再面对价格被压低的问题，还能解决人工不足和销路不畅的困扰。

他坦言，采摘榴梿的好处不容忽视。首先，采摘的榴梿价格比自然熟掉落的更高，能带来更可观收入。其次，可节省人力成本，并减少了偷窃风险。此外，采摘的榴梿保鲜期相对较长，也较重，更有利运输和销售。

“最重要的是，这种采摘方式解决了销路、价格和成本等问题，为果农提供了更好的发展机会。马来西亚果农总会希望政府重视。”（TKM）

Headline	Export of Malaysian Musang King as `Thai Musang King` might hurt local Musang King		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	30 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	7	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,848
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,545



(吉隆坡29日讯)近期泰国榴梿收购商在我国各榴梿产区“采割”猫山王，并以“泰国猫山王”名义鲜果出口中国一事引起业界关注，马来西亚果农总会总会长拿督陈绍厚担心，这种做法严重影响马来西亚高质量榴梿在中国市场的出口。

此外，他认为，这也会对我国果农构成不公平竞争，甚至可能损害多年来大马在中国建立的猫山王品牌与声誉。

“同时，我们也思考为何马来西亚没有像泰国、越南和菲律宾一样直接以鲜果方式出口中国市场，以此获得外汇。”

政府应速争取鲜果出口

因此，陈绍厚发表文告呼吁政府和农业及粮食安全部，尽快与中方政府进行协商，以取得榴梿鲜果出口许可。

他说，根据中国南宁海关的数据显示，最近泰国、越南和菲律宾出口到中国的榴梿总量已经超过6万吨，这3个国家正在争夺中国榴莲市场份

额，这将导致榴梿供应量大幅增加，价格相应下降。同时，国内的榴梿种植面积也在不断增加。

“因此，我们必须与时俱进，找到独特的出路。除了液氮（Nitrogen）速冻榴梿果肉和整个液氮速冻带壳榴梿的出口之外，我们希望能仿效泰国的做法，以七八成熟的猫山王榴梿等为例，以鲜果方式出口中国市场。”

采摘助“制衡”本地收购商

他说，这种采摘方式有助于农民“制衡”本地收购商，不仅不用再面对价格被压低的问题，还能解决人工不足和销售不畅的困扰。

他指出，采摘榴梿的好处不容忽视。首先，采摘的榴梿价格比自然熟掉落的更高，能够带来更可观的收入。其次，可以节省人力成本，并且减少了偷窃的风险。此外，采摘的榴梿保鲜期相对较长，也比较重，更有利于运输和销售。

“最重要的是，这种采摘方式解决了销路、价格和成本等问题，为果农提供了更好的发展机会，马来西亚果农总会希望政府能够重视。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Peniaga mengeluh ikan patin kurang di pasaran

JERANTUT: Peniaga makanan di daerah ini mengeluh kerana sukar untuk mendapatkan bekalan ikan patin yang semakin menyusut sehingga menjejaskan operasi perniagaan.

Difahamkan, rantaian masalah tersebut bermula daripada kesukaran penternak ikan dalam sangkar mendapatkan benih anak ikan di samping harga makanan dan kos pengurusan yang semakin meningkat turut mempengaruhi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga masakan ikan patin asam tempoyak Kampung Bukit Rang, Noraini Abdul Latiff berkata, kekurangan bekalan ikan itu bermula awal tahun ini, paling ketara ketika Ramadan lalu ekoran permintaan meningkat daripada pelanggan untuk juadah berbuka puasa.

"Dalam seminggu, cuma dua atau tiga hari sahaja menu ikan patin tempoyak jual, itu-pun tidak banyak. Situasi ini menyebabkan ada pelanggan kecewa apabila tidak ada saji-

an ikan patin asam tempoyak," katanya di sini semalam.

Jelas Noraini, sebelum ini, dia menempah lebih 15 ekor ikan patin untuk dimasak dan dijual di kedainya dalam tempoh lima hari.

"Tetapi, sejak awal bulan ini cuma 10 ekor sahaja, kadang-kadang kurang, cuma mencukupi dua hari dijual untuk pelanggan makan tengah hari.

"Tahun sebelum ini, harga daripada penternak dibekalkan kepada saya kurang RM20, tetapi sejak tiga bulan lalu, kadar harga sekilogram iaitu RM22 malah di tempat lain sudah ada menjangkau harga RM24 dengan kadar berat yang sama," katanya.

Beliau menambah, memandangkan harga ikan patin sangkar semakin mahal, dia menjual masakan itu RM10 sepotong walaupun ada kedai di bandar ini menjual dengan harga antara RM13 hingga RM15.

"Kini, menu pais ikan (campuran asam tempoyak), saya jual dengan harga seketul RM15 kepada pelanggan," ujarnya.



NORAINI Abdul Latiff menunjukkan menu tengah hari tanpa masakan asam tempoyak ikan patin di Kampung Bukit Rang di Jerantut, Pahang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Lima taktik seleweng subsidi diesel nelayan

Oleh **FAHMI FAIZ**
fahmi.faiz@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Ketirisan diesel subsidi kepada nelayan bukan hanya merugikan negara yang berterusan menyuntik subsidi bahan api tersebut, malah menjejaskan hasil tangkapan ikan di seluruh negara.

Isu ini serius apabila Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan sebanyak 38 kes ketirisan subsidi diesel kepada nelayan dikesan dalam tempoh beberapa bulan tahun ini sahaja dengan membabitkan kerugian RM435,567.

Timbalan Menteri KPKM, Chan Foong Hin sewaktu perbincangan di Dewan Rakyat pada 24 Mei lalu memaklumkan tahun 2022, sebanyak 70 kes ketirisan dilaporkan membabitkan kerugian kira-kira RM745,850.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Lima taktik seleweng subsidi diesel nelayan

Dari muka 1

Meskipun jumlah tersebut tidak begitu besar berbanding RM1.84 bilion kos subsidi ditanggung kerajaan kepada nelayan sejak dilaksanakan, namun beberapa sumber agensi dihubungi *Utusan Malaysia* mendakwa angka kerugian itu lebih besar daripada yang dikesan kementerian.

Satu sumber agensi yang enggan mendedahkan identiti berkata, jika secara purata negara rugi RM500,000 setahun akibat seleweng diesel, maka sudah 17 tahun iaitu sejak 2006 subsidi dilaksanakan bermakna jumlah terkumpul ketirisan dianggarkan lebih RM8.5 juta.

Kata sumber, pihaknya mengesan lima modus operandi penyelewengan dilakukan pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

Di seluruh negara terdapat 48 kompleks pendaratan ikan milik LKIM dan 351 jeti pendaratan ikan milik kerajaan di bawah Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK) yang semua memiliki Pusat Jualan Diesel (PJD) sendiri.


“Daripada jumlah PJD terdapat kira-kira 170 jeti pendaratan PNK bekerjasama dengan pihak swasta bagi membangunkan PJD yang langsung tidak dipantau jualan bahan api bersubsidi,” kata beliau.

Susulan itu, sumber berkata, wujud kelemahan PJD terutama yang bekerjasama dengan swasta menyebabkan berlaku penyelewengan.

“Kami mengesan ada lima kelemahan iaitu prosedur ope-

LIMA TAKTIK SELEWENG DIESEL SUBSIDI NELAYAN

- Kelemahan prosedur operasi standard (SOP) Pusat Jualan Diesel (PJD).
 - Diesel bersubsidi dituntut kumpulan tidak layak akibat kawal selia yang lemah di PJD.
- Tiada pegawai agensi memantau agihan diesel bersubsidi di jeti ikan yang menempatkan 351 PJD, lebih-lebih lagi di PJD yang bekerja sama dengan pihak swasta.
- Kegiatan rasuah dan gangsterisme membabitkan jualan diesel bersubsidi daripada PJD kepada sindiket.
- Komplot tauke bot kategori C menjual diesel kepada bot C2 dan nelayan asing di laut.
- Penyelewengan di PJD menjual diesel kepada lori-lori tangki yang kemudian dijual kepada pengusaha swasta.



rasi standard (SOP) PJD, tiada pegawai agensi memantau agihan diesel di jeti menempatkan PJD dan kegiatan rasuah serta gangsterisme daripada PJD kepada sindiket,” kata sumber.

Malah, turut berlaku komplot tauke bot kategori C menjual diesel kepada bot C2 dan nelayan asing.

“Pegawai LKIM cuma mengumpul data jumlah ikan didaratkan oleh nelayan.

“Pekerja di pam PJD juga tidak berani menolak pembelian diesel kerana takut diapa-apakan,” kata sumber.

Dedah sumber lagi, terdapat banyak kes melibatkan ke-longgaran SOP bagi menuntut diesel di kebanyakan PJD apabila penuntut menyalahguna kuota diesel diperuntukkan

kepada nelayan.

Malah, difahamkan berikutan perniagaan diesel subsidi menguntungkan, ia juga dibolot oleh kumpulan gangster yang menakutkan penjaga pam di PJD yang didakwa berlaku di Rompin, Pahang.

“Contohnya di beberapa jeti nelayan dan PJD di Rompin memang terkenal dengan tauke sindiket yang beli diesel bersubsidi, tapi penjaga pam takut sebab mereka ini gangster.

Sumber turut mendedahkan ada kes penyelewengan turut dilakukan pemandu lori tangki.

“Contoh kalau PJD itu tidak habiskan kuota diesel, mereka akan beli yang kemudian dijual kepada lori tonto dan lori lain,” kata sumber.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33



ZURIA Zulkifli mengambil peluang menjemur ikan bilis ketika cuaca panas di Kampung Tengah Kijal, Kemaman, Terengganu. - UTUSAN/ NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Cuaca panas 'rezeki' pengusaha ikan bilis

KEMAMAN: Cuaca panas memberi kelebihan kepada pengusaha ikan bilis di Kampung Tengah, Kijal, dekat sini apabila mampu mengeluarkan hasil laut yang lebih berkualiti.

Zuria Zulkifli, 35, dan suaminya, Wan Mohd. Zuraydy Wan Nordin, 40, yang mewarisi perniagaan keluarga berkata, cuaca panas membolehkan proses pengeringan ikan bilis lebih singkat iaitu hanya enam hingga lapan jam, berbanding sebelum ini lebih dua hari.

"Bila cuaca panas terik begini, ikan bilis dihasilkan lebih berkualiti sebab ikan bilis kering dengan elok, tidak mudah patah dan tidak cepat rosak serta tidak berbau hapak. Rasa ikan bilis yang kami hasilkan juga lebih rangup.

"Antara ikan bilis yang mendapat permintaan tinggi ialah

ikan bilis tembaga hitam, putih dan ikan bilis tembaga merah dan saya menjual ikan bilis ini dengan harga RM25 hingga RM28 untuk satu kilogram, bergantung kepada kualiti," katanya, dekat sini, semalam.

Ibu kepada lima anak itu berkata, ketika musim panas, dia mampu menghasilkan kira-kira 100 kilogram bilis sehari berbanding hanya 40 kilogram ketika cuaca tidak menentu.

"Biasanya sebelum ini kerja-kerja pengeringan hasil laut agak rumit sebab kami hanya dapat menjemurnya sekitar tiga jam sehari, kemudian terpaksa angkat dan disimpan sementara dalam peti dan proses pengeringan akan dilakukan kembali keesokan harinya sehingga ia betul-betul kering," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2023	KOSMO	NEGARA	16

Cuaca panas beri kelebihan, proses pengeringan hanya enam jam

Jemur ikan bilis lebih cepat

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

KEMAMAN – Cuaca panas terik ketika ini memberi kelebihan kepada pengusaha ikan bilis untuk menghasilkan produk hasil laut tersebut dengan lebih berkualiti.

Zuria Zulkifli, 35, berkata, dia dan suaminya, Wan Mohd. Zuraydy Wan Nordin, 40, yang mewarisi perniagaan diusahakan keluarga mereka sejak 50 tahun lalu berkata, cuaca panas membolehkan proses pengeringan ikan bilis menjadi lebih singkat iaitu seawal enam jam berbanding lebih dua hari sebelum ini.

"Ikan bilis yang dihasilkan lebih berkualiti sebab ia mengering dengan sempurna dan tidak mudah patah dan tidak cepat rosak atau berbau hapak. Malah, ia lebih rangup apabila digoreng.

"Antara spesies ikan bilis yang mendapat permintaan tinggi ialah tembaga hitam, putih dan tembaga merah," katanya ketika ditemui di Kampung Tengah, Kijal di sini semalam.

Zuria berkata, dia menjual ikan bilis tersebut pada harga antara RM25 dan RM28 sekilogram bergantung kepada kualiti.

Ibu kepada lima anak itu berkata, mereka mampu menghasilkan 100 kilogram (kg) ikan bilis sehari sepanjang musim panas ini.

"Biasanya kami cuma mampu proses 40 kg sehari pada musim



ZURIA menunjukkan ikan bilis yang dihasilkan keluarganya di Kampung Tengah, Kijal, Kemaman baru-baru ini.

biasa kerana waktu itu proses pengeringan hanya tiga jam sehari ekoran cuaca tidak menentu.

"Begitupun, pada cuaca panas sekarang, ikan bilis yang dijemur selepas direbus sebelah pagi akan kering dalam tempoh enam jam sahaja," katanya.

Zuria memberitahu, proses menjemur di bawah cahaya matahari mampu menjadikan ikan bilis lebih tahan lama berbanding

sekiranya dikeringkan secara moden dengan mesin pengering.

Sementara itu, Wan Mohd Zuraydy yang juga seorang nelayan menganggap cuaca panas sewaktu musim memukat ikan bilis sememangnya memberi rahmat buat keluarganya.

"Sekarang sudah bermula musim ikan bilis sehingga bulan September. Biasanya hasil tangkapan ikan bilis agak lumayan

dan kadang kala kami boleh dapat lebih 100 kilogram sehari.

"Cuaca panas memudahkan kami untuk proses ikan bilis. Biasanya, saya akan keluar memukat selepas subuh dan pulang sekitar pukul 9 pagi sebelum keluar lagi untuk memukat ikan bilis pada tengah hari," katanya.

Jelasnya, ada kebaikan musim panas terutama bagi nelayan ketika ini.